

## ARTIKEL SURATKHABAR

Nama Suratkhobar : Utusan Malaysia (Segmen Rencana)

Tarikh : Selasa, 16 September 2014

Mukasurat : 14

MUKA 14 • UTUSAN MALAYSIA

SELASA 16 SEPTEMBER 2014

# Rencana

## Saya anak Malaysia! Selamat Hari Malaysia!

Hari ini 16 September, Hari Malaysia. Menariknya bumi bertuah bernama Malaysia ini kerana kita menyambut Hari Kemerdekaan pada 31 Ogos lalu - iaitu hari pembebasan negara daripada belenggu penjajah.

Dan hari ini seluruh negara meraikan satu lagi tarikh yang cukup bermakna iaitu detik penggabungan Sabah dan Sarawak dengan Tanah Melayu yang memungkinkan kewujudan nama Malaysia.

Tidak kiralah bagaimana cara kita meraikannya, sama ada turut serta dalam acara sambutan yang dianjurkan, menyaksikan lintas langsung di kaca televisyen atau mengambil kesempatan daripada cuti umum dengan keluar beriadah bersama teman dan keluarga mahupun sekadar lepak-lepak di rumah - yang pastinya kita ialah warga yang merdeka dan bebas berbuat apa sahaja (asalkan tidak menyalahi undang-undang negara).

Tidak seperti kita, malang bagi rakyat sesetengah negara kerana tidak mengecap erti merdeka. Penduduk Palestin di Gaza, Rohingya di Rakhine, Myanmar, etnik Uighur di China dan penganut Ahli Sunnah Wal Jamaah di Iraq, ialah antara yang tidak mengenali erti kebebasan hidup sebagai

**Coretan Marhaen**



marhaeni.kamaruddin@utusan.com.my

warganegara.

Tanah air mereka bukan milik mereka. Kampung halaman bahkan rumah mereka bukan lagi syurga. Ramai yang terpaksa hidup sebagai pelarian di negara sendiri.

Kita bersyukur kerana selepas 57 tahun merdeka dan 51 tahun membentuk Malaysia, negara tercinta ini terus aman dan makmur di bawah pemerintahan yang stabil berpayungkan Perlembagaan Persekutuan.

Walaupun ada episod berdarah yang menggugat keamanan dan kestabilan negara, Malaysia berjaya membentengi dan mempertahankan ibu pertiwi daripada terjebak ke kancang pergolakan.

Justeru sebarang anasir jahat yang cuba mengancam keselamatan negara baik secara fizikal seperti tragedi Lahad Datu mahupun secara lisan dan maya seperti cadangan jahat mahu mengeluarkan Sabah dari Malaysia, perlu ditentang habis-habisan.

*Culprit* atau pelakunya perlu diheret ke muka pengadilan. Jika pelakunya rakyat Malaysia, dia ialah pengkhianat negara. Jangan ada pula sesiapa yang cuba mempertahankan tindakan puak-puak pengkhianat ini.

Soal keselamatan dan kedaulatan negara tidak boleh dikompromi apatah lagi diperlekeh dan diperjudikan.

Setiap rakyat Malaysia bertanggungjawab mempertahankan negara daripada sebarang ancaman. Tidak kiralah dalam bentuk lisan yang cuba mencemar dan menghinakan negara termasuk di laman-laman sosial, apatah lagi secara langsung keluar dari mulut atau dalam bentuk fizikal

sebagai anak Malaysia. Walau di mana kita berada, jangan malu mengaku sebagai anak Malaysia. Jangan pula hanya patriotik apabila berada di bumi Malaysia tetapi menjadi 'kacang lupakan kulit' apabila berada di luar negara.

Seorang teman yang sedang mengembara di benua Eropah meluahkan betapa sakit hatinya bertemu rakyat Malaysia yang bermastautin di sana, malu mengaku *Malaysian* malah berpura-pura pula menjadi warganegara lain. Selepas puas berborak, terbongkar juga asal-usulnya.

Lebih malang apabila ada rakyat Malaysia yang pergi ke seberang laut sama ada menyambung pengajian atau bertugas, mengutuk negara 'sampai tak ingat dunia'. Sedangkan pemergian mereka ke

sana adalah atas tajaan kerajaan mahupun agensi berkaitan.

Tidak kiralah apa pun fahaman politik kita, apa salahnya menunjukkan kesetiaan sebagai rakyat Malaysia. Bagaimana hendak mempertahankan negara jika kita sendiri yang sama-sama menjadi 'gunting dalam lipatan' mencemarkan reputasinya?

Nama Malaysia sejak sekian lama harum di merata dunia sebagai antara negara yang paling pesat membangun, stabil dari segi sosioekonomi dan politik selain menjadi negara Islam contoh termasuk kepada negara-negara Arab.

Jadi kenapa pula kita sebagai rakyat tidak bangga bahkan lebih jelik mahu menjadi orang yang melempar najis ke rumah sendiri?

Jika bukan kita sebagai warga yang mempertahankan Malaysia, siapa lagi?

Jangan tunggu sehingga nasi sudah menjadi bubur baharu hendak bertindak. Jangan selepas Malaysia hanya tinggal nama baru hendak menyesal. Ketika itu segalanya sudah terlambat.

Marilah kita memperkuat semangat patriotik dan nasionalisme demi ibu pertiwi yang tercinta.

Selamat Hari Malaysia!